

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK JOSEPH SALANG ANAK GANDUM
[JULAU]**

TARIKH : 17 NOVEMBER 2015

SOALAN :

Datuk Joseph Salang anak Gandum [Julau] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan langkah-langkah menstabilkan harga-harga komoditi seperti getah, minyak sawit, lada dan koko.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, harga getah, sawit, lada dan koko seperti komoditi lain yang diperdagangkan di peringkat antarabangsa, bergantung kepada penawaran dan permintaan dan pertumbuhan ekonomi global. Sejak suku tahun ketiga 2014, harga komoditi getah dan sawit telah mengalami tren penurunan yang disumbangkan oleh antara lain, pertumbuhan ekonomi yang perlahan di negara-negara pengimport utama seperti China, Kesatuan Eropah dan Amerika Syarikat. Manakala lada dan koko mempunyai harga yang stabil pada masa ini.

Tuan Yang Di-Pertua,

Bagi menstabilkan harga sawit, langkah-langkah yang telah dilaksanakan termasuk:

- i. Melaksanakan Program Biodiesel B7 (adunan 7% biodiesel sawit dan 93% diesel petroleum) di seluruh negara mulai November 2014. Program B7 akan menggunakan 575,000 tan minyak sawit setahun; dan
- ii. Menyediakan dana sebanyak RM 100 juta untuk Skim Insentif Tanam Semula 2015 (SITS 2015). Tujuan skim adalah untuk mengurangkan pengeluaran hasil buah sawit supaya menyumbang kepada penurunan paras stok minyak sawit dan

seterusnya akan membantu peningkatan harga minyak sawit di pasaran;

- iii. Meningkatkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam penghasilan produk-produk baru berasaskan sawit untuk dikomersialkan oleh pihak industri; dan
- iv. Memperkukuhkan pasaran eksport sedia ada serta menembusi pasaran-pasaran baru melalui misi promosi dan teknikal ke luar negara.

Di peringkat antarabangsa, Malaysia bersama-sama Indonesia akan menjadi negara pengasas dalam penubuhan *Council of Palm Oil Producing Countries Council* (CPOPC). Tujuannya adalah untuk mengadakan kerjasama bagi menjamin pembangunan sawit secara mampan.

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi sektor getah, Kementerian telah mengambil langkah-langkah bagi menangani isu penurunan harga getah termasuk:

- i. Merangka program menyusun semula pengeluaran getah termasuk menggalakkan pengeluaran lateks tempatan;
- ii. Menyediakan *standard* berkenaan import bahan mentah bagi menjamin kualiti SMR yang dihasilkan; dan

- iii. Meningkatkan aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) untuk mempelbagaikan kegunaan getah serta meningkatkan penggunaan getah dalam negara seperti dalam pembinaan jalan raya.

Selain langkah-langkah tersebut, Kementerian akan terus berusaha untuk memperkukuhkan pasaran eksport sedia ada serta menembusi pasaran-pasaran baru bagi produk-produk berasaskan getah.

Di peringkat antarabangsa, di bawah rangka *International Tripartite Rubber Council* (ITRC), Malaysia bekerjasama dengan Thailand dan Indonesia bagi mencari pendekatan untuk menstabilkan harga getah asli dalam jangka masa panjang. Ini termasuk memperkukuhkan mekanisme *Supply Management Scheme* (SMS) dan *Agreed Export Tonnage Scheme* (AETS) di kalangan negara-negara ITRC.

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi akan terus melaksanakan langkah-langkah jangka pendek dan panjang ke arah menstabilkan harga komoditi getah dan sawit. Ini adalah untuk memastikan para pengusaha tanaman getah dan sawit terutamanya pekebun kecil meraih faedah daripada usaha mereka.

Sekian, terima kasih.